

Newspaper	Berita Harian
Date	24/12/2012

Diberi penghormatan negara

BH-24/12/2012

» Keluarga mendiang Keng Yaik terhutang budi

Oleh Lum Chee Hong
lumch@bharian.com.my

✦ Petaling Jaya

Datuk Seri Najib Razak bersetuju supaya bekas Presiden GERAKAN, Tun Dr Lim Keng Yaik yang meninggal dunia, kelmarin, diberi istiadat penghormatan negara, Rabu ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, berkata perkara itu akan diuruskan oleh Bahagian Istiadat dan Protokol.

"Pihak keluarga dan GERAKAN sangat terhutang budi dengan Perdana Menteri yang memberi penghormatan kepada seorang tokoh negara," katanya ketika ditemui pemberita di kediaman Dr Keng Yaik di Tropicana Golf & Country Resort di sini, semalam.

Hilang seorang tokoh

Dr Keng Yaik meninggal dunia di kediamannya kira-kira 5.13 petang kerana komplikasi paru-paru dan meninggalkan seorang balu, Toh Puan Wong Yoon Chuan dan tiga anak.

Tsu Koon berkata, pihaknya amat sedih dengan kematian Dr Keng Yaik kerana mereka kehilangan seorang tokoh pemimpin GERAKAN dan Barisan Nasional (BN) yang sudah memberi sumbangan besar



Dr Mahathir bersama isteri, Tun Dr Siti Hasmah menulis buku ucapan takziah sambil disaksikan Ketua Pemuda GERAKAN, Datuk Lim Si Pin (kanan), Tsu Koon dan isteri mendiang, Toh Puan Wong Yoon Chuan (dua dari kanan) ketika menghadiri majlis penghormatan terakhir mendiang Dr Keng Yaik, semalam.

[FOTO CHAN WAI YEW/BH]

kepada negara.

"Ketika Dr Keng Yaik memegang jawatan pertama (Menteri Tugas-Tugas Khas), beliau rajin turun padang melawat semua kampung baru. Apabila Dr Keng Yaik menjadi Menteri Perusahaan Utama, beliau berjaya menerokai pasaran komoditi dunia bagi negara ini dan menjana ekonomi yang begitu pesat pada masa itu," katanya.

Sebelum ini, Dr Keng Yaik memegang jawatan Presiden GERAKAN sejak 1980 hingga 8 April 2007 sebelum menyerahkan jawatan itu kepada Tsu Koon.

Antara kenamaan lain yang

turut menziarahi mendiang semalam, ialah Pengerusi Tenaga Nasional Berhad, Tan Sri Leo Moggie yang juga bekas Presiden Parti Bansa Dayak Sarawak dan Pengerusi GERAKAN Pulau Pinang, Datuk Dr Teng Hock Nan.

Kerugian kepada negara

Sementara itu, Tan Sri Muhyiddin Yassin menyifatkan pemergian Dr Keng Yaik sebagai satu kerugian besar kepada negara kerana kehilangan seorang negarawan terbilang.

Timbalan Perdana Menteri berkata, mendiang yang juga sahabat baiknya sangat cemerlang sepanjang berkhid-

mat lebih 40 tahun dalam kerajaan dan parti.

"Mendiang seorang pemimpin dan menteri yang suka berterus terang. Tidak bersekolong serta bercakap dari hati yang ikhlas demi kebajikan rakyat dan negara," katanya kepada pemberita selepas memberi penghormatan terakhir kepada mendiang Dr Keng Yaik, semalam.

Antara tetamu yang turut memberi penghormatan terakhir ialah bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed.